

13/06/2003

Jadikan Sungai Klang sumber air

PROJEK menyediakan sistem air bersih yang semakin meningkat hingga mencapai berbilion ringgit kini jelas di luar kemampuan kerajaan negeri. Sejajar inilah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan Pusat mengambil alih pembangunan dan penyediaan kemudahan pembekalan air bersih. Tidak syak lagi dengan mengurangkan beban itu, kerajaan negeri boleh memberi tumpuan kepada projek atau sektor lain sesuai dengan kemampuannya. Jika tidak belanja besar yang biasanya diperoleh dalam bentuk pinjaman daripada Pusat membuat kerajaan negeri menanggung beban hutang.

Bagi pengguna di Lembah Klang, khususnya di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, projek terbaru iaitu Empangan Sungai Selangor bernilai RM2.4 bilion hanya mampu membekalkan air sehingga

2008. Kerajaan Selangor merancang membeli air mentah dari Pahang dengan membina terowong untuk menyalurkan bekalan. Harga projek itu dianggarkan mencecah lebih RM4 bilion. Kini telah wujud syor supaya kerajaan negeri membersihkan Sungai Klang yang boleh menyediakan air mentah secukupnya bagi Lembah Klang dengan kos yang jauh lebih rendah. Usaha membersihkan Sungai Klang bukan sesuatu yang mustahil. Tidak syak lagi projek besar dan

penting seperti ini memerlukan keazaman politik, kesungguhan dan sokongan

rakyat khususnya yang tinggal berhampiran tebing sungai itu demi menjamin

bekalan air bersih yang berterusan bagi kegunaan penduduk Lembah Klang.